

**RCI: Dompok cadang pelarian perang Filipina diagihkan ke seluruh negara
Malaysian Insider
June 21, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis**

Tan Sri Bernard Giluk Dompok hari ini mencadangkan agar pelarian perang dari Filipina yang menduduki Sabah dihantar ke seluruh negeri di Malaysia, atau dihantar pulang ke negara asal mereka bagi membendung masalah pemberian kewarganegaraan kerana negara berkenaan kini lagi berada dalam keadaan berbahaya dan perang juga menurutnya telah tamat.

Presiden Pertubuhan Pasokmomoogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) itu berkata demikian dalam respon balas ketika ditanya antara cadangan yang boleh diberikan beliau kepada Inkuiri Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung dengan pendatang asing di Sabah di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, di sini.

"Jika tidak hantar ke seluruh negeri ke Malaysia ... Adakah kita mahu berkongsi kekayaan (negara) dengan mereka?"

"Kad IMM13 patut dibatalkan kerana tiada sebab lagi mereka (pelarian Filipina) berada di sini kerana perang telah tamat," katanya kepada panel RCI, merujuk kepada kad pelarian perang yang dikeluarkan kerajaan kepada pelarian yang tiba di negara ini pada 1980an sebagai dokumen pengenalan diri semasa mereka di Sabah.

RCI yang diketuai bekas Hakim Besar Sabah dan Sarawak Tan Sri Steve Shim Lip Kiong sebelum ini telah diberitahu terdapat pelarian Filipina yang diberikan kad pengenalan dan menjadi warganegara walaupun penggunaan dokumen IMM13 itu berdasarkan peruntukan undang-undang tidak membenarkan mereka memperolehi dokumen tersebut.

Bernard yang pernah mengetuai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Integriti, turut berkata tiada sebab lagi untuk mereka terus berada di Sabah memandangkan banjir warga asing yang meningkat semakin membimbangkan.

"Mereka pelarian, saya tak rasa perlu terus benarkan mereka di Malaysia," katanya.

Ditanya implikasi terhadap keadaan sosial yang akan berlaku terhadap pelarian berkenaan sekiranya dihantar pulang memandangkan mereka telah bermastautin begitu lama di Malaysia, Dompok menegaskan, pelarian tersebut bukanlah warganegara yang perlu diambil berat.

UPKO juga jelas bekas Ketua Menteri Sabah telah melakukan kaji selidik dengan melibatkan 1,000 responden di 13 kawasan di seluruh Sabah dengan tujuan menyiasat pemberian kerakyatan warganegara asing secara haram di negeri Borneo tersebut.

Daripada jumlah itu, beliau menerangkan kepada panel RCI, 400 responden adalah rakyat Sabah dan warganegara, manakala baki 600 responden adalah warga negara asing dengan kad pengenalan meragukan.

Kajian berkenaan juga jelasnya melibatkan pelbagai etnik di Sabah seperti Kadazandusun Murut, Rungus, masyarakat Cina, Bajau Sama, Bisaya, Sungai, dan etnik Brunei.

"Dianggarkan 400 responden memperolehi kad pengenalan dan dokumen Malaysia secara

haram melalui surat akuan sumpah, IMM13 kepada kad pengenalan, pembelian kad pengenalan, dan juga Projek IC.

"Manakala 200 lagi masuk ke Sabah secara sah menggunakan pas lawatan sementara dan tidak kembali ke negara asal, hanya 30 sahaja mempunyai passport dan visa bekerja yang sah," katanya memberi keterangan kepada lima panel RCI.

Beliau juga dalam keterangannya berkata RCI perlu segera menarik balik kad pengenalan yang diragui bagi memastikan integriti kad pengenalan berkenaan dan kemudiannya perlu disahkan oleh pegawai dan pihak berkuasa yang kompeten.

"Saya sedar terdapat masalah melaksanakan langkah berkenaan, namun tidak boleh ada kompromi dalam hal kad pengenalan Malaysia dan juga kerakyatan.

"Jika kad pengenalan di Sabah ditarik balik dan digantikan, tindakan ini akan menjawab semua kritikan dan dakwaan kekotoran terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan juga daftar pemilih," katanya lagi.

Dompok yang juga merupakan bekas anggota Kabinet berkata hasil kajian UPKO membuktikan terdapat sindiket penjualan kad pengenalan dan dokumen Malaysia kepada warga asing, dan mencadangkan agar penguatkuasaan undang-undang yang tegas perlu dikenakan terhadap mereka.

"Kami mencadangkan agar undang-undang baru diwujudkan untuk memastikan rakyat Malaysia yang memberikan atau menjual dokumen kerakyatan dipersalahkan dan dikenakan tindakan tegas. Ia juga boleh dilaksanakan dengan meminda undang-undang sedia ada," katanya lagi. - 21 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rci-dompok-cadang-pelarian-perang-fili-pina-diagihkan-ke-seluruh-negara/>